

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

No Rujukan Sebutharga : LZS/JP/BP/UPE-100-1/2 Bil (69)

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA BAITUL HASANAH DAERAH HULU SELANGOR

1. Tawaran dipelawa kepada kontraktor **bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dan beralamat di sekitar daerah **Hulu Selangor** di bawah Kod Bidang : **080501 (Makanan Bermasak Islam)** .
2. Dokumen tawaran dan butir-butir lanjut boleh didapati daripada Unit Perolehan Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran Dan Teknologi Maklumat , Lembaga Zakat Selangor, Aras 9, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid 40000 Shah Alam.
3. Dokumen tawaran boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **RABU 03 MAC 2010** dengan harga **RM10.00** setiap naskhah dan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Kiriman Wang / Wang Pos /Draf Bank berpalang atas nama LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)**. Hanya syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) sahaja yang layak untuk membeli dokumen tawaran. Petender yang pernah membayar zakat di Lembaga Zakat Selangor (MAIS) mempunyai satu kelebihan.
4. Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dengan Kementerian Kewangan yang **ASAL** hendaklah dikemukakan semasa mengambil dokumen sebutharga dan salinan fotostat hendaklah disertakan untuk simpanan Lembaga Zakat Selangor (MAIS).
5. **LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS) tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau mana-mana tawaran dan juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan.**
6. Sebutharga di atas akan ditutup pada hari **KHAMIS 11 MAC 2010 jam 12.00 tengah hari.**

KETUA JABATAN PENTADBIRAN & TEK. MAKLUMAT
b.p
PENGURUS BESAR
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)